Utusan
PENYEBAR FIKIRAN RAKYAT
MALAYSIA

| TARIKH | 30 / 7 / 2012 | SEKSYEN | Nasional |
|---|---|---|---|
| MUKA SURAT | 14 | RUANGAN | Letters |

# Tabung Haji wajar labur dalam industri runcit, produk halal

SAYA terpanggil untuk memberikan pandangan seperti mana yang disiarkan dalam akhbar baru-baru ini, bahawa Lembaga Tabung Haji (LTH) mempunyai kecairan tunai sebanyak RM3.5 bilion (daripada RM7 bilion) yang diperuntukkan untuk membeli hartanah yang berdaya maju di dalam dan di luar negara.

Pelaburan hartanah di lokasi strategik yang dilaksanakan sekarang oleh LTH, termasuk di Britain baru-baru ini amat dialu-alukan dan diharapkan ia mampu menjana pulangan dividen yang signifikan kepada lebih 7 juta pendeposit.

> Selain sektor perladangan dan hartanah yang menjadi pilihan utama pelaburan jangka panjang LTH, mungkin industri runcit atau pemborongan dan bekalan produk halal elok diberi pertimbangan pada masa hadapan

Selain sektor perladangan dan hartanah yang menjadi pilihan utama pelaburan jangka panjang LTH, mungkin industri runcit atau pemborongan dan bekalan produk halal elok diberi pertimbangan pada masa hadapan.

Ketika ini, perniagaan pasar raya besar dimiliki oleh warga asing tetapi majoriti pekerja dan pelanggannya adalah orang Melayu.

Sementara pemborong atau peruncit bumiputera amat kecil bilangannnya kecuali Mydin, Felda Trading dan beberapa Koperasi terkenal tanah air.

Demikian juga halnya dengan pengilang atau pembekal seperti tepung, biskut, roti, mi kering/basah, makanan ringan dan makanan segera, majoritinya dikuasai dan dimiliki oleh orang bukan Islam.

Kita lihat cuma makanan ringan dan ubat tradisional Melayu seperti minuman, herba, pelbagai jenis keropok, jem dan madu dimiliki orang Melayu.

Barangkali sudah tiba masanya, pihak pengurusan LTH membuat kajian kesesuaian untuk melabur dalam pasar raya besar, sektor pemborongan dan kilang makanan produk halal untuk menampung keperluan harian umat Islam di negara ini.

Penguasaan Kulim Berhad ke atas Kentucky Fried Chicken (KFC) mungkin boleh dijadikan sumber inspirasi oleh pihak Lembaga Pengarah dan pengurusan Tabung Haji. Walaupun pada asasnya kedua-dua entiti tersebut mempunyai visi, misi dan*road map* yang berbeza.

Memang tidak dinafikan, pelaburan dalam industri berkaitan tidak menjanjikan pulangan yang lumayan dan pengurusannya agak kompleks.

Namun begitu, LTH mempunyai prospek pelanggan atau syer pasaran yang terjamin iaitu melebihi 60peratus daripada 28 juta penduduk negara ini.

Hakikat ini belum lagi mengambil kira syer pasaran orang bukan Islam yang bermastautin selebihnya.

Justeru, pelaburan di sektor ini tidak diragui keselamatannya dan memberi faedah yang amat besar kepada rakyat pelbagai kaum di negara ini. Sebab makanan adalah keperluan asas dalam kehidupan setiap insan.

**PENDEPOSIT TH**
Ampang Indah, Ampang